

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA**  
**PROMOSI CUKAI PINTU 2014**  
**27 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)**  
**DI PERKARANGAN LOBI**  
**IBU PEJABAT MPSP**

---

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
**Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Ketua-Ketua Jabatan**  
**Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Yang Diraikan Pemenang-Pemenang Cabutan Bertuah**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, suka saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di Majlis Cabutan

Bertuah dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014 pada Pertengahan Bulan November dan Disember 2013 yang lalu.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang Cabutan Bertuah Sempena Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014. Kerjasama yang erat serta sambutan yang baik daripada pembayar cukai dalam menunaikan tanggungjawab membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan adalah sangat diharapkan sebagai pemangkin utama bagi memastikan pembangunan Seberang Perai dapat dijalankan dengan lebih cemerlang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

MPSP sentiasa responsif dan prihatin dalam memberikan penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan “stakeholders” secara keseluruhannya. Hasrat ini adalah seiring dengan visi MPSP iaitu “ Seberang Perai yang lebih bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan dan pelancongan menjelang 2018”.

Sebelum ini, MPSP sering memberikan cenderamata dan juga mengadakan cabutan bertuah untuk pembayar cukai di Seberang Perai. Walaubagaimanapun, kedua-dua proses ini dihentikan pada tahun 2008. Pada tahun 2009, pemberian cenderamata berbentuk kupon harian kepada pembayar cukai telah dimulakan kembali dan sambutan dari pembayar cukai amatlah menggalakkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pada tahun 2012, Jabatan telah mengadakan cabutan bertuah dan pemberian cenderamata kepada pembayar cukai. Melalui program ini, MPSP dapat menambahkan hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan. Hasil ini dapat membantu Majlis merancang untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik

kepada pembayar cukai. Sesungguhnya, hasil dari cukai pintu ini adalah merupakan sumber utama pendapatan Majlis.

<b>TAHUN</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
<b>AMAUN (RM)</b>	15,571,277.89	20,720,507.49
<b>BILANGAN AKAUN (PREMIS) YANG LAYAK</b>	21,495	24,348
<b>BILANGAN CENDERAMATA</b>	15,000 recycle beg	25,000 buku kupon jam

Promosi Bayaran Cukai Pintu 2014 telah bermula pada 15 November hingga 31 Disember 2013 yang lalu. Pembayar cukai yang membayar keseluruhan cukai setahun 2014 berserta tunggakan telah menerima dua (2) buku kupon letak kereta (kupon jam) sebagai cenderamata serta layak menyertai cabutan bertuah. Dalam tempoh tersebut, jumlah kutipan cukai pintu telah melebihi sasaran awal sebanyak RM16 juta iaitu RM20.28 juta dengan bilangan akaun yang layak menyertai cabutan bertuah sebanyak 25,755 akaun (premis). Bagi melaksanakan promosi ini, MPSP telah membelanjakan sebanyak RM20,500.00 untuk kupon jam dan RM28,422.00 untuk pembelian hadiah. Keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM48,922.00.

Kutipan sepanjang tempoh promosi tahun 2014 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>2014</b>
<b>AMAUN (RM)</b>	20,282,331.34
<b>BILANGAN AKAUN (PREMIS) YANG LAYAK</b>	25,755
<b>BILANGAN CENDERAMATA</b>	50,000 buku kupon jam

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pada 27 Januari 2014 yang lalu, cabutan pemenang telah dibuat dan 77 orang pemenang telah ditentukan. Cabutan kali kedua telah dibuat pada hari yang sama bagi menentukan pemenang dari tempat ke-37 hingga ke-77. Pemenang berkenaan akan dihubungi oleh urusetia bagi urusan pengesahan dan pemenang boleh menuntut hadiah tersebut mulai 3 Mac 2014 di Jabatan Perbendaharaan, MPSP.

Pada hari ini, baki 36 pemenang yang telah dipilih melalui cabutan pada 27 Januari yang lalu akan menerima hadiah masing-masing yang terdiri daripada barangan elektrik, smartphome dan hadiah utama iaitu basikal bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah dan meningkatkan taraf kesihatan yang lebih baik.

Sebelum mengundurkan diri, saya juga ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada 77 orang pemenang cabutan bertuah yang hadir pada hari ini dan yang akan menerima hadiah pada bulan Mac akan datang.

Oleh itu, terima kasih diucapkan kepada semua pembayar cukai yang menyahut seruan MPSP agar membayar cukai pintu bagi memastikan perkhidmatan yang pembangunan dapat dijalankan di Seberang Perai.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.